



جَابِتْ مُفْتِي نَكْرِي سِلَانْغُورْ

MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI SELANGOR

KALI KE-2/2021

25 رجب 1442H / 9 Mac 2021

1. PENENTUAN KADAR DUA MARHALAH, QARYAH DAN BALAD DARI PERSPEKTIF FIQH SEMASA

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali Ke-2/2021 yang bersidang pada **25 رجب 1442H** bersamaan **9 Mac 2021** memutuskan bahawa;

- a) Kadar dua (2) marhalah adalah tidak kurang daripada 81 km.
- b) Persempadanan dan penentuan *qaryah* dan *balad* adalah mengikut pilihan seperti berikut:
 - i. Persempadanan mengikut kaedah, uruf dan ketetapan negeri-negeri selaras dengan Akta/ Enakmen Negeri; atau
 - ii. Persempadanan mengikut peta yang dikeluarkan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM); atau
 - iii. Persempadanan mengikut peta yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) melalui sistem i-PLAN; atau

- iv. Persempadanan baharu yang mengambil kira populasi kepadatan satu-satu penempatan secara *vertical* (seperti kondominium/ rumah pangsa seumpamanya) yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri.